

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

SOALAN NO. 417

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah pelan dan rancangan baharu yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggantikan projek mega yang telah ditangguh atau dibatalkan bagi memastikan jurang ekonomi antara negeri-negeri dapat dikecilkkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan supaya pelaksanaan projek mega yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu dikaji semula. Projek-projek mega ini termasuk projek *High Speed Rail (HSR)*, *Multi Product Pipeline (MPP)*, *Trans-Sabah Gas Pipeline (TSGP)* dan *East Coast Rail Link (ECRL)*.
2. Keputusan-keputusan tersebut dibuat dengan mengambilkira pelbagai faktor seperti masalah kewangan Kerajaan, keraguan terhadap kos keseluruhan projek, kurangnya impak projek kepada rakyat dan lain-lain lagi.
3. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, bagi memastikan kesinambungan pembangunan negara projek-projek yang memberi manfaat terus kepada rakyat (*people centric and high impact project*) seperti jalan raya, jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, keselamatan, kesihatan, sekolah dan sebagainya akan diteruskan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.